



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	27/9/2019	MUKA SURAT	: 2
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Malaysia tekad penuh pembangunan lestari

**New York:** Malaysia bertekad memenuhi semua sasaran dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), selain menyeimbangkan aspek keperluan dan kebajikan rakyat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menyampaikan ucap-tama sempena Dialog Sidang Kemuncak Kepemimpinan SDG, di sini semalam, Perdana Menteri berkata, setengah matlamat SDG sudah dicapai Malaysia, namun tidak menolak hakikat wujud pelbagai ruang inisiatif lain yang berupaya diterokai.

"Malaysia harus membangunkan rakyat. Mereka memerlukan pembangunan dan infrastruktur yang baik. Kemudahan yang baik kadangkala menyebabkan kehilangan kawasan dan mencetuskan impak persekitaran," katanya memberi contoh, apabila mahu membuat tasik dan empangan, ia akan menjurus kepada aktiviti pembangunan hutan.

Mengenai isu kemiskinan, Dr Mahathir berkata, peredaran semasa menyaksikan perkembangan ekonomi mengubah status 'di luar garis kemiskinan' sebelum ini menjadi 'di bawah garis kemiskinan'.

Katanya, susulan peningkatan kos sara hidup dan faktor lain, aras kemiskinan sebenarnya lebih tinggi daripada garis asal yang ditafsirkan asalnya, malah pola seperti ini bakal berlanjutan untuk beberapa tahun akan datang.

"Selari pertumbuhan negara dan pertambahan kekayaan, garis kemiskinan juga meningkat dan ia masih berlaku di negara kita. Saya tidak pasti sama ada kita berupaya membasmi kemiskinan sepenuhnya, tetapi kita akan cuba," katanya.

Selari pertambahan penduduk, katanya, jumlah bahan buangan akan turut meningkat, sekali gus memberi tekanan kewangan terhadap kerajaan untuk memperun-

tukkan lebih banyak kepada kos menguruskannya.

Beliau turut menampel tindakan segelintir negara dengan taraf sosio ekonomi tinggi yang menjadikan negara miskin sebagai tapak pembuangan sampah sehingga memaksa mereka berada dalam kemelut kewangan.

"Menguruskan bahan buangan akan menyebabkan kita tidak berupaya memenuhi matlamat ke arah pembangunan lestari dan situasi sedemikian akan berlanjutan," katanya.

Katanya, Malaysia turut memenuhi komitmen mengekalkan hutan yang kini antara 53 hingga 55 peratus daripada keluasan negara.

"Kita akan cuba kekalkan kadar liputan hutan selama mungkin, tetapi kita juga perlukan kawasan untuk dibangunkan bagi tujuan kediaman manusia. Kita tidak boleh nafikan hak rakyat mendapatkan rumah selesa berlandaskan alasan tiada kawasan pembangunan mencukupi.

"Bekalan makanan juga memerlukan penggunaan kawasan, namun kita mempunyai alternatif menerusi pendekatan perladangan moden yang membolehkan sayur ditanam dalam bangunan dan pasu bagi meminimumkan penerokaan tanah," katanya.

Bagi mengurangkan pencemaran udara akibat asap kenderaan, Dr Mahathir berkata, Malaysia merancang mempunyai lebih banyak kereta hibrid dan elektrik, sekali gus mengelak penjana kuasa berteraskan nuklear yang menjejaskan alam sekitar.

Katanya, manusia mungkin berupaya mengaktifkan bahan seperti uranium, namun hakikatnya masih banyak perkara mengenai nuklear gagal difahami termasuk dalam aspek merangka proses pembalikan supaya penggunaan komponen reaktif terbahit lebih selamat.